

3 MAR 1996

Mahathir-dadah

MALAYSIA BOLEH KERJASAMA DENGAN AS ATASI MASALAH WANG DADAH

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Malaysia sanggup bekerjasama dengan Amerika Syarikat (AS) untuk menangani kesalahan penggunaan wang hasil kegiatan dadah tetapi tidak bersetuju dengan usaha untuk memperluaskan penguatkuasaan perundangan negara itu di sini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kewujudan pusat perbankan luar pesisir seperti di Labuan tidak bermakna masalah ini akan berlaku di negara ini.

"Kita sendiri tidak suka kepada kegiatan (money laundering) ini tetapi apa buktinya yang kita terlibat," kata beliau ketika ditanya mengenai kemungkinan kegiatan itu wujud di sini setibanya beliau dari Bangkok.

Laporan Strategi Pengawalan Narkotik Antarabangsa 1996 yang diumumkan di Washington semalam berkata Malaysia telah mengambil tindakan tegas dalam memerangi gejala dadah.

Antara lain laporan itu berkata, AS akan terus membantu Malaysia menyediakan latihan dalam bidang penguatkuasaan, memberi galakan kepada Malaysia merangka undang-undang anti-dadah yang tegas seperti menyediakan peruntukan khas bagi kesalahan penggunaan wang hasil daripada kegiatan dadah.

Laporan itu juga menyebut bahawa undang-undang Malaysia mengenai rampasan aset sebagai "mempunyai skop yang sempit dan kurang berjaya dalam merampas pendapatan yang diperolehi daripada kegiatan pengedaran dadah."

Perdana Menteri berkata, sebenarnya kegiatan itu dilakukan di tempat-tempat tertentu termasuk di AS sendiri.

Katanya, mereka patut tumpukan kepada perkara-perkara yang berada dalam lingkungan kuasa undang-undang mereka dan tidak cuba mengadakan "extra territorial rights" (kuasa di luar daripada perbatasan mereka).

"Kita boleh kerjasama dengan mereka tetapi bukan hak mereka nak datang di sini untuk menangkap orang untuk dibawa balik supaya dibicara di bawah undang-undang mereka, kita anggap itu sebagai pencabulan kemerdekaan negara kita."

Beliau menambah kata, kalau mereka boleh mendakwa Malaysia tidak mempunyai perundangan bagi kesalahan penggunaan wang hasil kegiatan dadah "kita juga harus mendakwa mereka tidak berusaha betul-betul umpamanya untuk mengurangkan penggunaan dadah di negara mereka."

Kegiatan penyeludupan dadah yang berleluasa di merata dunia sekarang ini adalah disebabkan wujudnya pasaran besar yang sedia ada di negara-negara maju seperti AS dan Eropah, kata beliau.

Katanya, masalahnya bukan melibatkan pengeluar dadah sahaja tetapi juga pihak pembeli.

Dr Mahathir berkata di sesetengah negara Barat tidak ada sama sekali usaha untuk mencegah penyalahgunaan dadah.

Malah, katanya, ada kerajaan sanggup membekalkan penagih dadah dengan peralatan seperti jarum suntikan seolah-olah mereka menggalakan penggunaan dadah.

"Ada juga sesetengah pihak di Barat yang berpendapat bahawa tembakau dan marijuana (ganja) lebih kurang sama, apa salahnya kalau nak hisap," kata beliau.

-- BERNAMA.

MGM OBA.